



**MAJLIS RAMAH MESRA TIMBALAN MENTERI
SUMBER MANUSIA BERSAMA MEDIA**

12 OGOS 2017

**UCAPAN OLEH:
YB DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA
MERANGKAP
PENGERUSI MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Disediakan oleh:

Sekretariat Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Rujuk Senarai Protokol

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

1. Terima kasih kepada semua yang hadir pada malam ini kerana dapat meluangkan masa ke **Majlis Ramah Mesra Timbalan Menteri Sumber Manusia Bersama Media**. Majlis pada malam ini kita adakan bagi mengerat hubungan baik antara pihak Kementerian Sumber Manusia amnya dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) khasnya bersama pihak pengurusan dan kewartawanan media. Langkah ini sebagai salah satu usaha kerajaan untuk menjadikan media sebagai rakan informatif dalam pembentukan *smart partnership* yang berterusan dan berkesan antara kerajaan dengan para majikan dan pekerja.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian;

(Media sebagai Sumber Informasi dan Advokasi KKP)

2. Tanggapan umum tentang akhbar di Malaysia ialah ianya berperanan sebagai medium untuk membantu pembangunan negara. Pembangunan negara dalam konteks ini bukan sahaja melihat kepada 'pembangunan fizikal' tetapi juga kepada 'pembangunan pemikiran' rakyatnya. Dalam konteks masyarakat demokrasi khususnya, akhbar berperanan sebagai medium penampung penyertaan masyarakat dalam menentukan hala tuju sesebuah negara.

3. Jika kita telusuri sejarah penerbitan surat khabar pertama iaitu *The Prince of Wales Island Government Gazette* pada 1 Mac 1806 di Tanah Melayu, ketika itu memberi makna baharu kepada masyarakat. Ini kerana sebelum munculnya akhbar, masyarakat hanya menerima berita dari mulut ke mulut, melalui mesyuarat atau perhimpunan dan salinan manuskrip. Pengenalan surat khabar oleh kerajaan British di Pulau Pinang membuka ruang baharu untuk pemerintah atau golongan tertentu khususnya para peniaga menyampai dan menerima

maklumat seperti berita dan iklan serta bertukar-tukar idea baharu dalam masyarakat.

4. Media massa termasuk akhbar memainkan lima (5) peranan utama dalam masyarakat iaitu **menyebarkan maklumat**, memainkan peranan korelasi dengan **memberi penjelasan** kepada orang ramai tentang sesuatu isu penting, sebagai **jentera penggerak sosial**, **hiburan** dan juga **memastikan nilai-nilai dan budaya hidup** yang dipegang dikekalkan.

5. Saya mengalu-alukan tuan/puan para pengamal media untuk sama-sama berperanan membina sebuah masyarakat yang mempunyai budaya pencegahan dalam aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Dalam konteks ini, para wartawan memainkan peranan penting kepada masyarakat dalam menyampaikan maklumat. Mereka bertanggungjawab mendidik masyarakat Malaysia amnya dan para majikan dan pekerja khususnya tentang peri penting mengamalkan budaya kerja yang

selamat dan sihat di tempat kerja mahupun dalam urusan harian.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian;

(KKP untuk Pengamal Media)

6. Masihkah tuan/puan mengingati peristiwa yang melibatkan arwah saudara Noramfaizul Mohd Nor, seorang jurugambar jurukamera Bernama TV, maut akibat terkena tembakan peluru sesat (tembakan curi) semasa membuat liputan Misi Kemanusiaan Kelab Putera 1Malaysia di Somalia pada 2 September 2011. Dalam kejadian itu wartawan TV3, Aji Saregar Mazlan turut cedera ringan di bahu kanan terkena serpihan peluru.

7. Susulan peristiwa itu, pelbagai pihak menggesa para majikan melengkapkan para wartawan/pengamal media dengan jaket, helmet kalis peluru dan polisi insurans apabila membuat liputan di zon perang atau konflik. Mereka juga mencadangkan agar

satu garis panduan yang komprehensif perlu dibangunkan untuk wartawan/pengamal media yang membuat liputan gempa bumi, banjir dan pergolakan sosial sama ada dalam atau di luar negara.

8. Hasilnya pada tahun **2012, Garis Panduan bagi Media Profesional** telah dilancarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH). Penerbitan garis panduan ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kakitangan media terhadap risiko yang timbul daripada aktiviti yang dijalankan dalam persekitaran tersebut. Pekerja sebenarnya membentuk bahagian penting dan menjadi aset negara dalam menyokong dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Mana-mana kemalangan yang melibatkan mana-mana pekerja, sama ada menyebabkan kecederaan atau kematian adalah kerugian kepada negara.

9. Antara intipati garis panduan ialah para majikan perlu memastikan bahawa pekerja mereka disediakan dengan peralatan perlindungan secukupnya seperti jaket dan helmet kalis peluru apabila membuat liputan di zon perang atau konflik. Selain itu, para majikan juga perlu memberi penerangan kepada wartawan, jurugambar dan jurukamera mereka mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan apabila membuat liputan di mana nyawa mereka dalam risiko.

10. Jika perlu, majikan perlu mengambil polisi insurans bagi melindungi kematian atau kecederaan kakitangan mereka. Tetapi, jika mereka tidak dilindungi, para majikan perlu menimbang secara serius sama ada untuk menghantar mereka untuk tugas sedemikian kerana tanggungjawab mengenai keselamatan dan kebajikan wartawan masih merupakan tanggungjawab para majikan kerana mereka memutuskan sama ada untuk membuat liputan itu atau tidak.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

(Saranan)

11. Amalan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja perlu diterapkan dan diamalkan oleh semua pihak sama ada majikan mahupun pekerja tidak kira apapun pekerjaan mereka samada di sektor pembinaan, pertanian, pengilangan hatta tuan/puan pengamal media. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak dan rakan strategik di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan bagi menjayakan **Majlis Ramah Mesra Timbalan Menteri Sumber Manusia Bersama Media** pada malam ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada para media yang hadir di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan majlis ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, Wassalamualaikum w.b.t.